

SOALAN NO.: 448

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO-LEUNG [ALOR SETAR]

SOALAN :

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan sama ada kerajaan telah pun membuat keputusan untuk melaksanakan sebarang mekanisme jaringan keselamatan sosial yang sesuai bagi membantu pekebun kecil getah menangani kesan kejatuhan harga getah.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga getah seperti komoditi lain adalah tertakluk kepada faktor penawaran dan permintaan global. Kemerosotan harga getah yang dialami buat masa ini berpunca antara lain, kelembapan permintaan ekoran pertumbuhan ekonomi yang kurang memberangsangkan di negara-negara pengimpor utama seperti China, Amerika Syarikat, Jepun dan Kesatuan Eropah.

Kerajaan sedar impak penurunan harga terhadap pendapatan para pekebun kecil getah. Dalam hal ini, bagi memperkuatkkan harga di peringkat ladang, Lembaga Getah Malaysia (LGM) mulai November 2014 telah melaksanakan mekanisma penetapan harga di peringkat ladang melalui penetapan diskaun antara harga FOB SMR 20 dan harga diterima oleh pekebun kecil. Di bawah mekanisme ini, koperasi pekebun kecil akan digalakkan membeli getah daripada pekebun kecil pada kadar diskaun yang ditetapkan dan menjualnya terus kepada pengilang. Dengan berbuat demikian, rantai pemasaran antara pekebun kecil dan pengilang akan dipendekkan dan harga yang diterima oleh pekebun kecil akan dapat dipertingkatkan.

Bagi tujuan tersebut, LGM akan menyediakan pinjaman mudah berjumlah RM6.4 juta ringgit sebagai modal pusingan kepada koperasi-koperasi yang layak untuk membeli getah secara terus daripada pekebun kecil.

Selain itu, kerajaan dalam Bajet 2015 telah mengumumkan penubuhan dana Insentif Pengeluaran Getah (IPG) yang akan

dilaksanakan mulai tahun 2015 dengan peruntukan awal dana sebanyak RM100 juta. IPG merupakan langkah jangka masa panjang bagi memastikan pekebun kecil menikmati pendapatan minima dalam masa-masa penurunan harga getah yang ketara dan sebagai mekanisme jaringan keselamatan sosial. Di bawah IPG, insentif sebanyak RM0.30 sen sekilogram akan disediakan sekiranya harga SMR 20 berada di paras RM4.60 atau harga *cuplumps* berada di paras RM1.75 sekilogram dan ke bawah.

Dengan adanya insentif ini, ia akan membolehkan para pekebun kecil terus meraih pendapatan berdasarkan pengeluaran. Langkah ini juga akan memastikan pendapatan pekebun kecil tidak terjejas dalam masa-masa penurunan harga getah secara mendadak.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN GOOI HSIAO-LEUNG
DARIPADA [ALOR SETAR]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah sekolah menengah "Keat Hwa 3" akan dibina di Pokok Sena, Kedah, seperti yang dijanjikan oleh Perdana Menteri dalam April 2013 sebelum PRU-13.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan negeri Kedah sedang menguruskan proses pengambilan tanah bagi melaksanakan projek pembinaan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Keat Hwa 3.